

Soalan-Soalan Lazim Bantuan Banjir HLB/HLISB

No	Soalan	Jawapan
1.	Adakah Bank menyediakan sebarang bantuan untuk pelanggan yang terjejas akibat banjir?	Bank telah mengaktifkan program 'Bantuan Banjir' HLB/HLISB yang menawarkan penangguhan pembayaran sehingga enam bulan untuk semua kemudahan pinjaman dan pembiayaan, termasuk kad kredit. Program ini adalah untuk pelanggan individu yang layak serta PKS termasuk pelanggan Pengusaha Mikro yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.
2.	Bagaimanakah saya boleh mengetahui sama ada saya layak mendapat Bantuan Banjir?	Jika kediaman, harta atau perniagaan anda terjejas secara langsung akibat banjir baru-baru ini, anda boleh memohon untuk mendapatkan Bantuan Banjir.
3.	Berapakah jangka masa bantuan?	Pelanggan yang terkesan akibat banjir boleh menerima penangguhan pembayaran sehingga enam bulan untuk semua kemudahan pinjaman dan pembiayaan, termasuk pembayaran kad kredit.
4.	Sekiranya saya menerima Bantuan Banjir ini, adakah ia akan memberi kesan kepada CCRIS saya?	Tidak, akaun anda tidak akan dilaporkan sebagai Dijadualkan Semula dan Disusun Semula (R&R) di CCRIS.
5.	Bagaimana saya boleh memohon bantuan banjir ini?	Pelanggan boleh meminta Bantuan Banjir melalui saluran berikut: 1. Permintaan melalui laman web kami: https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/news-updates/flood-customer-relief-assistance.html 2. Hubungi Bantuan Banjir HLB/HLISB di talian 03 7959 1888 . 3. E-mel kami di: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my 4. Untuk pelanggan PKS dan Korporat, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda. 5. Mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB di seluruh negara yang berdekatan dengan anda. Sila melayari https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/help-support/branch-locator.html?icp=hlb-en-all-footer-txt-locator untuk lokasi cawangan.
6.	Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan apabila saya memohon Bantuan Banjir?	Untuk melengkapkan permohonan anda, sila pastikan anda menyediakan item berikut: 1. Name pemegang akaun 2. Kad Pengenalan 3. Akaun Pinjaman/Pembiayaan

		<p>4. Nombor Hubungan Pilihan (untuk panggilan Bank untuk pengesahan)</p> <p>5. Alamat e-mel</p> <p>6. Alamat lokasi terjejas banjir</p> <p>7. Gambar keadaan banjir anda iaitu kenderaan, kediaman dan/atau kedai/premis terjejas</p>
7.	Bagaimana saya tahu bahawa permohonan saya sedang disemak oleh Bank?	Anda akan dihubungi oleh Bank dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh permohonan/permohonan anda diterima.
8.	Perluakah kemudahan pinjaman / pembiayaan harta tanah / kediaman / perniagaan yang terjejas di bawah HLB / HLISB agar saya untuk meminta bantuan?	Sekiranya banjir memberi kesan kepada pendapatan/aliran tunai anda, anda boleh meminta Bantuan Banjir.
9.	Adakah faedah / keuntungan akan dikenakan ke atas jumlah yang ditangguhkan?	<p>Faedah/keuntungan akan terus dikenakan tetapi tidak dikompaun.</p> <p>Bagi sesetengah kemudahan pinjaman/pembiayaan, tempoh pinjaman/kemudahan pembiayaan tersebut boleh dilanjutkan.</p> <p>Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai jumlah dan tempoh ansuran yang dikemaskini semula.</p>
10.	Adakah program ini untuk pinjaman / pembiayaan yang baru diluluskan?	Ya, bantuan banjir ini adalah untuk kemudahan pinjaman dan pembiayaan yang baru disalurkan.
11.	Adakah kos pemprosesan yang akan dikenakan ke akaun saya sekiranya saya menerima bantuan?	Tidak. Kos pemprosesan tidak akan dikenakan.
12.	Bolehkah saya menarik diri daripada Pelan Bantuan Banjir sekiranya status kewangan saya pulih?	Ya, anda boleh memilih untuk menarik diri lebih awal. Hubungi kami dengan segera apabila anda boleh membuat semula / memulakan semula pembayaran ansuran asal anda dan kami akan membuat pengaturannya yang diperlukan.
13.	Jika keadaan kewangan saya tidak terjejas, bolehkah saya memohon bantuan banjir?	Jika anda tidak terjejas akibat banjir baru-baru ini dan tidak menghadapi kesukaran untuk memenuhi komitmen pembayaran/pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan anda, anda mesti meneruskan komitmen pembayaran balik/pembayaran seperti biasa. Sila pastikan bahawa anda mengekalkan pembayaran anda terkini dan pembayaran masa depan yang dibuat apabila anda berupaya untuk membayar balik/membayar pinjaman/pembiayaan anda tidak terjejas.

14.	Adakah saya perlu menandatangani Surat Tawaran Tambahan (SLO)?	<p>Ya. Sekiranya terdapat lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan, kami akan mengiriskan SLO kepada anda bagi menunjukkan syarat yang dikemaskini.</p> <p>Kami akan menghantar SLO bagi menyatakan syarat yang dikemaskini. melakukan ini dengan cara yang mudah dan menggunakan kemudahan digital untuk mempercepatkan proses tersebut.</p> <p>Bank akan menghubungi anda melalui telefon / e-mel salinan SLO untuk tindakan lanjut daripada anda.</p> <p>Sila semak kotak emel anda termasuk JUNK mailbox kerana kemungkinan emel dialirkan ke kotak tersebut.</p>
15.	Sekiranya terdapat peminjam / pelanggan bersama yang terlibat, adakah peminjam / pelanggan bersama diminta untuk mengisi borang permohonan / melakukan penerimaan Surat Tawaran Tambahan juga?	Tidak wajib bagi peminjam/pelanggan bersama untuk mengisi borang permohonan. Walau bagaimanapun, semua peminjam/pelanggan mesti melaksanakan Surat Tawaran Tambahan (SLO) jika ada, apabila Bank menyediakannya kepada anda.
16.	Sekiranya salah satu peminjam / pelanggan bersama meninggal dunia, bolehkah peminjam / pelanggan utama mengisi borang permohonan / Surat Tawaran Tambahan oleh dirinya sendiri?	<p>Ya, anda boleh isi borang permohonan atas talian dan serahkannya kepada bank.</p> <p>Nota: Jika anda tidak ada salinan LA/ Hibah probate si mati ketika memohon, anda boleh kemukakan salinan kepada kami semasa pelaksanaan Surat Tawaran Tambahan.</p>
17.	Bagaimana jika ada Penjamin? Adakah penjamin perlu mengisi borang permohonan juga?	Tidak. Tetapi penjamin mungkin dikehendaki memberikan maklumat tambahan untuk menyokong permintaan Bantuan Pembayaran.
18.	Adakah penjamin perlu menandatangani Surat Tawaran Tambahan?	<p><u>Untuk Pinjaman Perumahan/Pembiayaan Perumahan-i, Sewa Beli / Sewa Beli-I, Pinjaman Tunai Perniagaan (di bawah Syarikat Sendirian Berhad) / Perkongsian</u></p> <p>Penjamin yang akan menandatangani Surat Tambahan Tawaran adalah orang yang dilantik seperti dinyatakan di dalam Lembaga Resolusi atau Amanah Perkongsian, yang mana berkenaan. Salinan Resolusi Lembaga atau Amanah Perkongsian hendaklah diberikan kepada Bank.</p> <p><u>Sewa Beli/Sewa Beli-i dengan nama individu atau Pemilik Tunggal</u></p>

		<ul style="list-style-type: none"> • Penjamin dikehendaki menandatangani surat Persetujuan Pinjaman apabila menerima Surat Tambahan Tawaran.
19.	Bilakah saya mesti mulakan bayaran ansuran baru?	Pembayaran akan bermula mengikut pelan bantuan yang diluluskan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Tambahan. Sila rujuk perkara yang sama untuk butiran amaun dan tarikh akhir.
20.	Sebarang had masa permohonan Bantuan Banjir ini?	Kami akan mempertimbangkan semua permohonan bergantung kepada keadaan banjir.
21.	Jika akaun saya lebih daripada 90 hari tertunggak, bolehkah saya memohon Pelan Bantuan Pembayaran ini?	Ya, kami akan memproses permohonan anda di bawah Rancangan Penjadualan Semula dan Penyusunan Semula dan akaun anda akan dilaporkan sebagai Dijadualkan dan Disusun Semula (R&R) dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS).
22.	Pinjaman Perumahan/Pembiayaan Perumahan-i, Sewa Beli/Sewa Beli-i, Pinjaman Peribadi Pembiayaan Peribadi-i / Pembiayaan ASB dilindungi dengan perlindungan insurans / takaful untuk keseluruhan tempoh pembiayaan. Setelah tamat Moratorium, tempoh pembiayaan saya telah dilanjutkan melebihi tempoh asal pembiayaan. Apa yang akan berlaku dengan perlindungan insurans / takaful tersebut?	Tidak ada perubahan kepada perlindungan insurans / takaful anda untuk tempoh pembiayaan asal kemudahan ini. Sekiranya anda ingin melanjutkan lagi tempoh perlindungan insurans / takaful sila hubungi kami. Sila maklum bahawa kos tambahan insurans / takaful akan dikenakan bagi sebarang lanjutan perlindungan.
23.	Adakah pihak Bank akan menanggung kos tambahan untuk lanjutan perlindungan insurans/takaful?	Tidak, para pelanggan yang mahu melanjutkan perlindungan ini akan menanggung kos tambahan tersebut.
24.	Apa yang perlu saya lakukan dengan arahan tetap (SI) untuk pembayaran balik / pembayaran akaun saya?	<p>1.SI yang telah anda berikan arahan untuk ditubuhkan oleh Bank:</p> <p>Kami akan menghentikan arahan tetap (SI) buat sementara waktu untuk pembayaran/pembayaran balik daripada Akaun Semasa/i atau Akaun Simpanan Hong Leong anda buat sementara waktu.</p> <p>2. SI yang ditubuhkan oleh pelanggan melalui Perbankan Dalam Talian Connect:</p> <p>Anda perlu mengubah arahan tetap anda di Perbankan Dalam Talian Connect sekiranya anda ingin menanggung ansuran pinjaman/pembiayaan anda. Sila ingat untuk melaksanakan arahan tetap baru untuk pembayaran balik / pembayaran anda sebelum berakhirnya penangguhan 6 bulan supaya pembayaran</p>

		<p>balik/pembayaran anda sentiasa dikemas kini selepas bantuan banjir tamat.</p> <p>3. SI dari akaun semasa/ i atau akaun simpanan/ i dari bank lain.</p> <p>Sila pinda SI dengan bank masing-masing.</p> <p>Sekiranya anda ingin membuat pembayaran semasa tempoh penangguhan, anda mempunyai fleksibiliti berbuat demikian melalui :</p> <ul style="list-style-type: none"> • pemindahan dalam talian; atau • terminal layan diri kami; atau • menubuhkan satu lagi arahan tetap melalui Perbankan Dalam Talian Connect hanya untuk tempoh moratorium ini. <p>Nota: Melainkan anda mengambil tindakan ke atas perkara 2 atau 3 di atas (seperti yang berkenaan) apa-apa pembayaran yang kami terima akan pergi ke arah memenuhi pembayaran/pembayaran bulanan.</p>
25.	<p>Saya telah membuat bayaran pendahuluan/lebih ke dalam akaun pinjaman /pembayaan saya. Apa yang berlaku kepada bayaran pendahuluan / lebih?</p>	<p>Sebarang bayaran lebih atau bayaran pendahuluan akan digunakan untuk mengimbangi sebarang ansuran pada akhir tempoh penangguhan selama 6 bulan.</p>